

UCAPAN ALUAN

YANG BERBAHAGIA

**PROFESOR DATUK TS. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @
SAHIBUDDIN, FASc**

NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SEMPENA

MAJLIS PENUTUP

**PERTANDINGAN PENGHUJAHAN MAHKAMAH
PERINGKAT KEBANGSAAN**

KALI KE-6, 2025

12 JANUARI 2025

Bismillahirrahmanirrahim.

**Alhamdulillahil rabbil alamin,
Wassolatuwassalamu ala ashrafil anbiya iwar mursolin
waala alihi wasahbihi ajmain.**

[Salutasi-Kemas kini berdasarkan kehadiran]

Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir
Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia,

Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Nur Ezan Rahmat,
Dekan Fakulti Undang-Undang UiTM,

Ahli-ahli Pengurusan Tertinggi UiTM,

Jawatankuasa Penganjur, Hakim-hakim Kehormat, para
peserta, dan hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan
Salam Sejahtera.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun sempena Majlis Penutup Pertandingan Penghujahan Mahkamah Peringkat Kebangsaan Kali Ke-6, 2025.

2. Pertamanya, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir kerana sudi hadir memeriahkan majlis pada hari ini. Kehadiran Yang Berhormat Dato' Seri memberikan penghormatan besar kepada usaha murni memartabatkan Bahasa Melayu, bukan sahaja

sebagai bahasa kebangsaan, malah juga sebagai medium penting dalam dunia perundangan dan kehakiman di negara kita.

3. Tidak lupa juga kepada semua tetamu kehormat, peserta, dan hadirin sekalian yang turut bersama kita pada hari ini, saya ucapkan ribuan terima kasih atas sokongan yang diberikan terhadap program ini.

4. Tahniah diucapkan kepada Fakulti Undang-Undang UiTM, Dewan Bahasa dan Pustaka, serta Jawatankuasa Bahasa Melayu Majlis Peguam Malaysia atas kejayaan penganjuran kali keenam Pertandingan Penghujahan Mahkamah Peringkat Kebangsaan ini. Program ini telah membuktikan

peranan pentingnya dalam melahirkan generasi peguam muda dan pelajar undang-undang yang cemerlang dalam seni advokasi serta penggunaan Bahasa Melayu yang unggul di mahkamah.

Hadirin sekalian,

5. Saya amat kagum dengan kebolehan dan semangat juang yang ditunjukkan oleh para peserta sepanjang pertandingan ini. Anda semua bukan sahaja telah menyerlahkan bakat dan kepakaran masing-masing, tetapi juga menyumbang kepada usaha memperkukuhkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa perundangan yang dihormati.

6. Pada kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada ahli jawatankuasa penganjur yang telah bekerja keras memastikan kelancaran dan kejayaan program ini. Komitmen dan dedikasi anda semua amatlah dihargai.

7. Saya berharap pertandingan ini akan diteruskan pada masa hadapan dengan penglibatan yang lebih meluas, bukan sahaja pada peringkat kebangsaan, bahkan pada peringkat antarabangsa. Hasilnya inilah yang akan membawa kepada aspirasi “Globally Renowned, Locally Rooted”.

8. Akhir kata, semoga usaha ini terus memberi impak positif kepada sistem perundangan negara kita dan memperkukuhkan peranan UiTM sebagai peneraju

dalam melahirkan modal insan berintegriti dan berwibawa.

Sekian.

**Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**